

**36**  
**EDISI 2**  
**2020**

EDARAN PERCUMA

مجلس احکام اسلام  
دان عادوت ملابو قبراق

**Wadah**  
MAIPk



**PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA  
DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI  
SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**



**PROGRAM ZIARAH KORPORAT  
MAIPk 2020:  
MENELUSURI KEHIDUPAN ASNAF**



**PENYERAHAN BANGUNAN  
PUSAT HEMODIALISIS WAQAF  
PERAKAR-RIDZUAN**



# Titah

## PERUTUSAN AIDILADHA

DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN  
SULTAN NAZRIN MUIZZUDDIN SHAH

TARIKH : 10 ZULHIJJAH 1441 / 31 JULAI 2020 (JUMAAT)

JAM : 10.30 PAGI

TEMPAT : KEM SYED PUTRA, JALAN TAMBUN, IPOH.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh

**ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR!  
ALLAHU AKBAR WALILLAH ILHAM.**

Aidiladha disambut dengan melaksanakan Takbir Muqayyad selepas Solat Subuh pada 9 Zulhijjah, takbir yang sunat dilakukan berterusan oleh orang yang tidak menunaikan rukun haji, setiap kali selepas solat sehingga waktu Asar pada 13 Zulhijjah, dan menyempurnakan solat sunat Aidiladha pada pagi 10 Zulhijjah, selanjutnya melakukan ibadah korban pada hari-hari Tasyrik dari 10 sehingga 13 Zulhijjah.

2. Aidiladha merupakan hari umat Islam memperingati kecakalan Nabi Ibrahim Alaihissalam dan keredaan putera Baginda, Nabi Ismail Alaihissalam memenuhi perintah ALLAH Subhanahu Wata'ala; antara contoh pengorbanan paling hebat dalam sejarah manusia, antara contoh tahap ketakwaan paling tinggi dalam diri insan, dizahirkan dengan kesanggupan seorang ayah menyembelih leher anak kesayangan, dan kerelaan seorang anak menyerahkan nyawa demi membantu seorang ayah dapat mematuhi perintah ILAHI.

3. Ibadah korban ialah salah satu ibadah sunat muakkadah, iaitu sunat yang sangat dituntut, ibadah yang mendekatkan diri insan kepada

ALLAH Subhanahu Wata'ala, ibadah yang menghidupkan syariat Nabi Ibrahim Alaihissalam yang kemudiannya diyariatkan kepada Nabi Muhammad Sallallahu Alaihi Wassalam; sabda Baginda bermaksud:

"Tiada amal anak Adam yang lebih disukai ALLAH pada Hari Raya Aidiladha kecuali berkurban (dengan menyembelih binatang)..."<sup>1</sup>

4. Setiap insan ketika melalui perjalanan hidup, perlu menempuh pelbagai liku ujian, yang ada kalanya memerlukan pengorbanan. Walau seberat mana pengorbanan yang perlu 1 Hadis Riwayat At-Tirmidzi dan Abu Daud. Dilakukan, seseorang insan yang kukuh imannya, akan mentafsirkan bahawa setiap yang berlaku, memiliki hikmah.

5. Disebabkan perlunya diperkenalkan langkah-langkah pencegahan untuk menangani wabak Covid-19, umat Islam di serata dunia, yang berhasrat mengerjakan Rukun Islam kelima pada tahun ini, memaham kepahitan dan dihambat rasa piu berikutan ketetapan kerajaan Saudi Arabia, mengenakan had jumlah sepuluh ribu orang jemaah haji, yang hanya dibenarkan dalam kalangan orang-orang yang telah berada di negara tersebut.

<sup>1</sup> Hadis Riwayat At-Tirmidzi dan Abu Daud

6. Wabak Covid-19 telah meletakkan dunia berada dalam suasana kemudarat. Hadis Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bermaksud:

"Tidak boleh memberi mudarat dan tidak boleh membalaus kemudarat, dengan kemudarat" <sup>2</sup>

Memelihara nyawa amat dititik beratkan oleh para pemegang amanah yang dipertanggungjawabkan dengan tugas pemerintahan. Ketika dunia sedang menghadapi ancaman wabak Covid-19, pendirian kerajaan Malaysia adalah selari dengan ketetapan kerajaan Saudi Arabia, berpegang kepada prinsip maqasid syariah, ia itu tujuan syariat yang mengutamakan prinsip kemaslahatan ummah. Maqasid syariah amat menekankan keselamatan agama, nyawa, akal, keturunan dan harta.

7. Anggaplah ketidakcapaian hasrat untuk melakukan ibadah haji pada tahun ini sebagai satu ujian ILAHI yang memerlukan pengorbanan. Setiap yang berlaku, ditentukan oleh ILAHI. Hanya ALLAH Subhanahu Wata'ala yang Maha Mengetahui rahsia yang terselindung dan hikmah yang tersembunyi di sebalik penangguhan melakukan ibadah haji pada tahun ini. Semoga ALLAH Subhanahu Wata'ala menggantikan pengorbanan ini dengan ganjaran yang lebih baik. Kepada ALLAH kita berdoa agar mempertemukan kita sebaik penyelesaian bagi menghadapi wabak Covid-19 yang begitu mengancam kehidupan alam ketika ini.

8. Dengan penentuan ILAHI juga, Aidiladha pada tahun ini dirayakan pada tarikh yang telah ditetapkan oleh negara sebagai Hari Pahlawan, hari untuk menghargai dan memperingati jasa dan pengorbanan para anggota Pasukan Pertahanan dan Pasukan Keselamatan, terutama mereka yang terkorban ketika melaksanakan tugas. Para anggota pertahanan dan anggota keselamatan memikul tanggungjawab yang amat berat untuk mengawal negara daripada serangan musuh, di samping memastikan negara berada dalam aman sentosa. Sabda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wassalam bermaksud:

"Menjaga sempadan negara sehari semalam adalah lebih baik dari berpuasa dan solat malam sebulan penuh. Bila penjaga tersebut meninggal dunia (dalam tugasnya) ia akan terus diberikan pahala atas amalan yang biasa dilakukannya sebagaimana ia terus dikurniakan rezeki dan kenyamanan dari segala pengganggu (azab kubur)" <sup>3</sup>

9. Negara Malaysia berjaya dipertahankan sebagai sebuah negara merdeka yang berdaulat dan penduduk negara ini dapat menjalani penghidupan dalam suasana aman dan damai, kerana keberkesanannya para anggota tentera dan polis melaksanakan tugas. Dalam menjunjung amanah mempertahankan

kedaulatan kemerdekaan negara dan dalam memenuhi tanggungjawab memulihara keamanan negara, ramai anggota tentera dan polis yang telah berkorban, ramai yang kehilangan nyawa, ramai pula yang cedera. Ketika kita sedang menghadapi juadah Aidiladha, ketika ramai kita beriang ria bersama keluarga dan jiran tetangga, ramai pula anggota tentera dan polis yang sedang bertugas baik di darat, air dan udara dan tidak kurang yang sedang menghadapi pelbagai ancaman.

10. Anggota pasukan keselamatan ialah wira-wira negara; terbukti daripada semangat keahlawanan yang diserahkan oleh Leftenan Adnan bin Saidi, bersama 42 orang askar Rejimen Melayu, berjuang hingga ke titisan darah terakhir, ketika bertempur dengan tentera Jepun di Bukit Candu pada 14 Februari 1942; demikian juga kecekalan semangat juang yang diserahkan oleh Sarjan Jamil Mohd. Shah bersama 25 orang anggota, mempertahankan Balai Polis Bukit Kepong daripada serangan pengganas komunis pada 23 Februari 1950. Peristiwa di Bukit Candu dan peristiwa di Bukit Kepong, ialah dua peristiwa penting yang membuktikan tahap pengorbanan, keberanian, kecekalan dan kegigihan anggota tentera dan polis di negara ini memenuhi amanah dengan semangat sedia berputih tulang daripada berputih mata.

11. Angkatan Tentera dan Polis Diraja Malaysia berjaya menyemaikan semangat kesetiaan kepada Raja – kesetiaan kepada negara tanpa berbelah bahagi dalam minda dan dalam jiwa anggota mereka. Seyogia disedari dan wajib diakui, bahawa kedaulatan negara ini telah dipertahankan oleh pasukan tentera dan polis, yang anggotanya terdiri daripada warga pelbagai kaum-pelbagai agama. Ketua Polis Negara Abdul Rahman Hashim yang 7 dibunuh secara kejam dalam perjalanan ke tempat kerja pada 7 Jun 1974, berketurunan Melayu - beragama Islam; Ketua Polis Perak, Khoo Chong Kong, juga dibunuh secara kejam dalam perjalanan dari tempat kerja pada 13 November 1975, berketurunan Cina - beragama Kristian; sementara anak muda yang baharu berusia 24 tahun, Kapten Mohana Chandran, yang bersedia menerima tanggungjawab mengetuai 23 orang anggota Renjer, menggempur gerombolan pengganas komunis di Hutan Simpan Ulu Kinta, gugur dalam pertempuran pada 13 Jun 1971, berketurunan India - beragama Hindu. Banyak lagi peristiwa-peristiwa yang telah mengakibatkan anggota tentera dan polis gugur ketika melaksanakan tugas.

12. Seri Pahlawan Gagah Perkasa (S.P.), merupakan darjah tertinggi antara lima darjah Gagah Perkasa, dikurniakan kepada sesiapa sahaja yang telah menunjukkan keberanian luar biasa atau melakukan sesuatu tindakan dengan gagah berani serta penuh pengorbanan. Penerima pertama anugerah darjah Seri Pahlawan Gagah Perkasa ialah Special Constable Veloo anak lelaki Rajavelu,

pada tahun 1963, diikuti Konstabel Abu Bakar bin Ngah Wahab pada tahun 1969, dan barisan penerima pada tahun 1971, terdiri daripada Second Lieutenant Abdul Razak bin Hussain, Konstabel Fong Thean Kit, Inspektor Kartas Singh, Pegawai Waran Lenggu anak China dan Koperal Yeap Sean Hua. Antara nama dalam 8 senarai yang telah dianugerahkan darjah Seri Pahlawan Gagah Perkasa, ialah SAC Abdul Razak Mohd Yusoff, Superintendent Datuk Paul Kiong, DSP Datuk Sia Boon Chee, Koperal Ngalinuh Bala, Konstabel Etin anak Bijang, Trooper Rasli bin Buang, Inspektor Syed Mokhtar bin Syed Zubir Barakhbah, Kapten Hamid bin Awang, Chief Inspector Chin Chin Kooi, Inspektor Reggie anak Deli, Pegawai Waran Kanang anak Langkau, Kapten Narendran Indi Shanmugam, Assistant Superintendent Mohd. Zabri Abdul Hamid.

13. Panglima Gagah Berani (P.G.B.) merupakan darjah kedua tertinggi antara lima darjah Gagah Perkasa. Leftenan (berpangkat Mejor Jeneral ketika bersara) Abdul Rahman Khamis merupakan penerima darjah Panglima Gagah Berani yang pertama. Antara penerima anugerah ini ialah Jeneral Mohd. Ghazali Che Mat, Mejor Jeneral Dato' Abdul Kadir Nordin, Kolonel Ismail bin Salleh, Kol Maurice Lam Shye Choon, Lt Kolonel Robert Rizal Abdullah, Dato Dr. Leong Chee Woh, Mejor Neville Herbert Seible, Mejor Lee Ah Pow, Kapten Shanmuganathan anak lelaki Rampoo, Sub Inspektor Ngalinuh Bala, Pegawai Waran Tachmi bin Ismail, Pegawai Waran Joseph Miling, Staf Sarjan Osman bin Ismail, Chief Inspektor Voon Ken Hong, Sarjan Choo Wah Soon, Sarjan Jantan Nyamat, Renjer Isa bin Hassan, Renjer Lan anak Gima.

14. Nama-nama penerima anugerah dua darjah utama Gagah Perkasa tersebut, nyata membuktikan bahawa perkhidmatan pertahanan dan keselamatan negara kita telah dipulih secara bersama oleh warga Malaysia daripada pelbagai kaum – pelbagai agama dari pelbagai negeri dan wilayah; mereka ialah warga Malaysia yang patriotik, mendukung semangat di mana bumi dipijak, di situ langit dijunjung.

15. Semangat saling memahami antara kaum – semangat saling menghormati antara agama, berperanan utama untuk menjamin keamanan dan ketenteraman dalam sebuah negara yang warganya terdiri daripada pelbagai kaum – pelbagai agama. Pertahanan negara akan menjadi rapuh jika warga yang terdiri daripada pelbagai kaum - pelbagai agama, gagal menjalinkan hubungan yang harmoni. Pertahanan negara akan menjadi lebih teguh apabila warga berjaya dipupuk menemui titik pertemuan, menghayati semangat bersatu dalam kepelbagaian (*unity in diversity*). Para pemimpin, secara perkataan dan secara perbuatan wajib memberikan sebaik contoh teladan untuk memupuk semangat saling memahami - saling menghormati, agar warga hidup penuh harmoni dalam sebuah negara yang aman lagi makmur.

16. Beta dan rakyat yang mengutamakan keamanan, amat menghargai pengorbanan setiap anggota tentera dan setiap 10 anggota Polis Diraja Malaysia. Semoga pengorbanan mereka diterima sebagai amal makruf yang diberikan ganjaran dunia – ganjaran akhirat. Bersempena Hari Pahlawan pada hari ini, sebagai tanda menghargai khidmat bakti mereka yang begitu cemerlang, marilah sama-sama kita berdiri memberikan tepukan penghormatan kepada para anggota tentera dan Polis Diraja Malaysia.

17. Selamat Hari Raya Aidiladha. Semoga rakyat Beta dirahmati oleh ALLAH Subhanahu Wata'ala, menyambut Aidiladha dalam suasana riang lagi meriah, dan dalam semangat bersyukur ke hadrat ILAHI. Daripada Abu Hurairah Radiallahuanhu, menurut yang diriwayatkan oleh Tabrani, Nabi Sallallahu Alaihi Wassalam telah bersabda yang bermaksud:

“Hiasilah Hari Raya kamu dengan takbir”.

Perbanyak bertakbir dan bertahmid, menzahirkan kesyukuran kepada ILAHI.


**ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR! ALLAHU AKBAR!  
ALLAHU AKBAR WALILLAH ILHAM.**

وَبِاللّٰهِ التَّوْفِيقُ وَالْهِدَايَةُ  
وَالسَّلَامُ عَلَيْكُمْ وَرَحْمَةُ اللّٰهِ وَبَرَكَاتُهُ

## PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA DULI YANG MAHA MULIA PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN

Penyerahan Zakat Berjumlah **RM6,385,278.66**  
Pada **07 Julai 2020**

| AGENSI                                 | JUMLAH (RM)    |
|--|----------------|
| Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) | RM3,042,751.66 |
| Plus Malaysia Berhad                   | RM2,674,327.00 |
| KPJ Healthcare Berhad                  | RM349,000.00   |
| Idaman Pharma Manufacturing Sdn. Bhd.  | RM200,000.00   |
| Celcom Mobile Sdn. Bhd.                | RM119,200.00   |



Penyerahan Zakat Berjumlah **RM2,762,151.26**  
Pada **14 Julai 2020**

| AGENSI                        | JUMLAH (RM)  |
|-------------------------------|--------------|
| Bank Rakyat                   | RM979,285.00 |
| Maybank Islamic Bank Berhad   | RM846,779.20 |
| Bank Islam (M) Berhad         | RM340,000.00 |
| RHB Islamic Bank Berhad       | RM300,000.00 |
| Bank Muamalat Malaysia Berhad | RM196,087.06 |
| Affin Islamic Bank Berhad     | RM100,000.00 |



Penyerahan Zakat Berjumlah **RM667,889.50**  
Pada **16 Julai 2020**

| AGENSI                                       | JUMLAH (RM)  |
|--|--------------|
| Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad | RM210,690.50 |
| ETIQA Family Takaful Berhad                  | RM161,320.00 |
| ETIQA General Takaful Berhad                 | RM100,000.00 |
| Metropolitan Utilities Corporation Sdn. Bhd. | RM100,000.00 |
| Rural Capital Berhad                         | RM95,879.00  |

**PENYERAHAN ZAKAT PERNIAGAAN KEPADA  
DULI YANG MAHA MULIA  
PADUKA SERI SULTAN PERAK DARUL RIDZUAN**

Penyerahan Zakat Berjumlah **RM25,846,760.80**  
Pada **26 Ogos 2020**

| AGENSI   | JUMLAH (RM)    |
|--|----------------|
| Tenaga Nasional Berhad                               | RM7,687,022.14 |
| Lembaga Tabung Haji Negeri Perak                     | RM5,973,516.04 |
| Lembaga Air Perak                                    | RM5,152,000.00 |
| Bank Pembangunan Malaysia Berhad                     | RM1,549,000.00 |
| Lumut Maritime Terminal Sdn Bhd                      | RM1,074,417.78 |
| Puncak Emas Infra Sdn Bhd                            | RM700,110.00   |
| Perbadanan Pembangunan Pertanian Negeri Perak (SADC) | RM691,571.93   |
| Pertubuhan Peladang Negeri Perak                     | RM506,470.25   |
| Perak Integrated Network Services Sdn Bhd            | RM325,000.00   |
| Perbadanan Menteri Besar Perak (MB Inc.)             | RM305,000.00   |
| Qsr Brands (M) Holdings Sdn Bhd                      | RM298,878.00   |
| Ladang Moccis Sdn Bhd                                | RM256,440.69   |
| Perbadanan Setiausaha Kerajaan Negeri Perak (SSI)    | RM250,000.00   |
| Agro Bank  | RM234,559.00.  |
| Koperasi Peserta Rancangan Felcra Seberang Perak     | RM232,364.44   |
| Gas Malaysia Berhad                                  | RM200,000.00   |
| Pertubuhan Peladang Kawasan Seberang Perak           | RM125,771.00   |
| Koperasi Co-Opbank Pertama Malaysia Berhad           | RM125,550.55   |
| Felcra Berhad Wilayah Perak                          | RM107,841.30   |
| Koperasi Guru Melayu Perak                           | RM51,247.68.   |



# MAJLIS PENGAGIHAN WANG TIDAK PATUH SYARIAH

BAGI OPERASI PUBLIC ISLAMIC BANK BERHAD KEPADA MAIPk

**IPOH, 01 Julai 2020** - Public Islamic Bank Berhad telah menyampaikan sumbangan wang tidak patuh syariah bagi operasi tahun berakhir 31 Disember 2019 kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk). Majlis ini telah berlangsung di Pejabat YAB Menteri Besar Perak Darul Ridzuan. Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Tuan Shahru Azam bin Shaari telah hadir menerima agihan ini mewakili MAIPk disaksikan oleh YAB Menteri Besar Perak, Dato' Seri Ahmad Faizal bin Dato' Azumu. Turut hadir dalam majlis ini ialah Setiausaha Kerajaan Negeri Perak, YB Dato' Ahmad Suaidi bin Abdul Rahim dan Pengarah Jabatan Agama Islam Perak, YBhg. Dato' Haji Mohd Yusop Bin Haji Husin. Semoga dengan sumbangan ini, perniagaan yang diusahakan oleh pihak Public Islamic Bank Berhad bertambah maju dan berkembang dengan lebih jayanya.



## PENYERAHAN BANGUNAN PUSAT HEMODIALISIS

WAQAF PERAK AR-RIDZUAN (WPAR) DI MANJUNG

**MANJUNG, 20 Julai 2020** - Bertempat di bangunan Pusat Hemodialisis Waqaf Perak Ar-Ridzuan, Kg. Dato' Sri Kamaruddin, Manjung, telah berlangsung satu majlis ringkas Penyerahan Bangunan Pusat Hemodialisis Wakaf yang telah siap sempurna oleh kontraktor ZR Construction Sdn. Bhd. kepada Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu

Perak (MAIPk) melalui Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahru Azam bin Shaari. Turut hadir dalam majlis tersebut ialah Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) MAIPk, Puan Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, semua barisan Perunding dan juga wakil dari pihak Kumpulan Perubatan Ar-Ridzuan (KPAR). Sehubungan itu, pusat Hemodialisis Wakaf ini dijangka akan mula beroperasi pada penghujung tahun 2020 ini. MAIPk merakam penghargaan dan terima kasih kepada semua penyumbang wakaf khususnya bagi tujuan projek ini. Skim WPAR masih membuka tawaran kepada yang umat Islam yang berkemampuan agar bersama-sama bergandingan bahu untuk menunaikan ibadah wakaf.



## JEJAK ASNAF DAERAH LENGGONG



### PROGRAM JEJAK ASNAF MAIPk

Program Jejak Asnaf MAIPk merupakan program penting kepada MAIPk dalam memastikan kumpulan asnaf yang berhak menerima zakat dibantu sebaiknya. Melalui program ini MAIPk dapat melihat realiti sebenar kehidupan asnaf yang kurang bernasib baik terus di lokasi kediaman mereka samada di kawasan bandar atau pun di kawasan pedalaman seluruh pelusuk negeri. Hasil kunjungan yang dijalankan, pelbagai jenis bantuan telah diluluskan oleh MAIPk seperti bantuan kewangan bulanan, bantuan baik pulih rumah dan bantuan bina rumah. Program jejak asnaf menjadi juga menjadi antara medium terbaik membela para asnaf serta kesukaran mereka telah dapat diberi perhatian yang sewajarnya. Para asnaf yang disantuni turut menerima sumbangan berupa wang tunai dan kotak makanan bagi menampung keperluan semasa keluarga.

**LENGGONG, 8 September 2020** - Program Jejak Asnaf MAIPk telah berjaya menyantuni empat keluarga asnaf di Kg. Sumpitan, Kg. Bukit Sapi, Kg. Talong, Luat dan Kg. Beng terus di kediaman mereka masing-masing. Program ini telah dijayakan oleh dua orang Anggota MAIPk iaitu YDH. Toh Muda Orang Kaya Kaya Seri Adika Raja Shahbandar Muda Dato' Ar.LA Meor Roslan bin Dato' Seri Hj. Meor Ahmad Rashidi merangkap Orang Besar Jajahan Hulu Perak dan YBrs. Dr. Haji Mohd Fahmi bin Abdul Khir merangkap Ahli Jawatankuasa Falak Negeri Perak. Turut bersama menjayakan program ini ialah YBrs. Tuan Shahrul Azam bin Shaari, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk (Pembangunan), AF Ust. Bakri bin Lee, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, dan Encik Mohd Arifullah bin Mashudi, Pegawai Baitulmal Daerah Lenggong serta pekhidmat-pekhidmat MAIPk Daerah Lenggong sambil dibantu pasukan Bahagian Agihan Zakat MAIPk. Sebanyak empat buah rumah telah berjaya diziarahi dan selanjutnya tiga permohonan Bantuan Baik Pulih Rumah dan satu permohonan Bantuan Bina Rumah serta Bantuan Kewangan Bulanan telah diproses segera dalam lawatan ini untuk pertimbangan dan keputusan.

### JEJAK ASNAF DAERAH TAIPING

**TAIPING, 19 Ogos 2020** - Pihak MAIPk telah menziarahi dan menyantuni lima buah keluarga asnaf di kediaman mereka masing-masing sekitar Mukim Batu Kurau, Taiping dan Bukit Gantang. Program ini telah diketuai oleh YDH Orang Kaya Menteri Paduka Tuan, Dato' Haji Wan Mohd Isa bin Dato' Haji Wan Mohd Razali, Orang Besar Jajahan Larut Matang & Selama dan diiringi Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pembangunan) Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari, Pengurus Besar Bahagian Agihan Zakat, AF Ust Bakri bin Lee, Pegawai Baitulmal Daerah Taiping, Mohd Zulfadli bin Baharum dan pekhidmat-pekhidmat MAIPk. Sebanyak tiga permohonan Bantuan Rumah dan satu permohonan Bantuan Kewangan Bulanan dan satu Bantuan Perubatan telah diproses segera untuk keperluan asnaf tersebut.



# ZIARAH KORPORAT MAIPk 2020



# MAJLIS PENYERAHAN PERUNTUKAN ZAKAT MAIPk KEPADA YAYASAN ADDIN

**TAPAH, 17 Ogos 2020** - Satu Majlis Penyerahan Peruntukan Zakat MAIPk telah berlangsung di Dewan Serbaguna Kampung Jalan Kachu, Tapah dan telah disempurnakan oleh YB Tuan Akmal bin Kamarudin, Pengerusi Jawatankuasa Agama dan Penerangan Negeri Perak. Pada Majlis Penyerahan Agihan Zakat kepada Yayasan ADDIN Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Pengurusan) MAIPk, YBrs. Tuan Haji Mohd Haidi bin Sulaiman telah menyampaikan agihan peruntukan zakat sebanyak RM22,674.53 kepada pelajar daripada golongan asnaf Miskin dan Ghorimin. Turut hadir pada majlis tersebut Pengarah Jabatan Agama Islam Perak (JAIPk), YBhg. Dato' Mohd Yusop bin Husin dan Pengerusi Yayasan ADDIN, Dato' Sheikh Mohamad Nor Mansor Al Hafiz.



## MAJLIS SYAHADAH DAN MERAIKAN PENGISLAMAN MASYARAKAT ORANG ASLI

DI RPS MAKMUR, ULU KINTA, IPOH



**IPOH, 12 Ogos 2020** – Seramai 60 orang asli daerah Kinta telah memeluk agama Islam selepas mengucapkan syahadah dengan dipimpin oleh Menteri Di Jabatan Perdana Menteri (Hal Ehwal Agama) YB Senator Datuk Dr. Zulkifli Mohamad Al-Bakri yang hadir dalam Majlis Syahadah dan Meraikan Pengislaman Masyarakat Orang Asli di RPS Makmur, Ulu Kinta, Ipoh, Perak. Seramai 45 Mubaligh Islam telah dilantik Majlis Agama Islam Perak (MAIPk) dan 57 Penggerak Masyarakat Orang Asli (PMOA) di bawah lantikan Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) akan terus membantu membimbing mualaf ini. Turut hadir dalam majlis ini ialah Pengerusi Jawatankuasa Agama Islam dan Penerangan Negeri Perak, YB Ustaz Mohd. Akmal bin Kamaruddin dan Ketua Pegawai Eksekutif, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk), YBrs. Tuan Shahruh Azam bin Shaari. Sekalung penghargaan diucapkan kepada PMOA JAKIM dan MAIPk atas usaha menyampaikan kefahaman Islam kepada Masyarakat Orang Asli di RPS Makmur.

# PELAJAR TAJAAN MAIPk RAIH ANUGERAH PELAJAR TERBAIK UNIKL

IPOH, 27 Julai 2020 – Bertempat di Multipurpose Hall (MPH), UniKL Royal College Of Medicine Perak (RCMP) satu Majlis Apresiasi dan Penyampaian Sijil bagi Program Foundation in Medical Science UniKL 2020 telah berlangsung dengan jayanya. Majlis yang bermakna ini ditambah serinya apabila salah seorang pelajar tajaan MAIPk iaitu Cik Syakirah binti Shamsuri telah meraih Anugerah Pelajar Terbaik Pengajian Asasi Sains Perubatan UniKL, RCMP. Beliau juga dapat menyambung pengajian ke peringkat MBBS. Sebagai makluman, seramai sembilan orang pelajar telah menerima tajaan penuh daripada MAIPk bermula tahun 2018. Kesemua pelajar berkenaan mendapat keputusan yang cemerlang dan berjaya menyambung pengajian di peringkat ijazah sarjana muda di RCMP. Puan Norfazilah binti Bawadi, Pengurus Bahagian Agihan Zakat telah hadir mewakili MAIPk pada majlis tersebut.



## TAKLIMAT KHAS KEPADA PELAJAR TAJAAN MAIPk DI LUAR NEGARA YANG PULANG KE MALAYSIA AKIBAT COVID-19



KUALA KANGSAR, 10 Julai 2020 - Satu taklimat khas telah diadakan oleh Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) dan Universiti Sultan Azlan Shah (USAS) di Auditorium USAS mengenai pelajar tajaan MAIPk di luar negara yang pulang ke Malaysia akibat kesan pandemik Covid-19. Taklimat telah disampaikan oleh Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahruh Azam bin Shaari.

Pada taklimat tersebut, beberapa perkara dan penjelasan penting telah dimaklumkan kepada para pelajar antaranya ialah mengenai dermasiswaa yang diperoleh pelajar tajaan MAIPk akan diteruskan sekiranya mereka berhasrat meneruskan pengajian melalui program khas ditawarkan USAS. Tawaran terbuka kepada pelajar yang menuntut di negara Asia Barat dan memperoleh dermasiswaa tajaan MAIPk namun terpaksa pulang ke tanah air susulan penularan wabak Covid-19.

Dermasiswa bagi pelajar yang menerima tawaran khas itu akan diteruskan tanpa sebarang gangguan. Bagi pelajar dalam kategori yang sama, namun tidak menerima dermasiswaa MAIPk sebelum ini, mereka masih boleh memohon untuk mendapatkan tajaan itu. Hal ini

merupakan langkah proaktif dilakukan secara bersama dengan USAS yang dianggap belum pernah ditawarkan mana-mana pihak.

Kadar tajaan yang akan diberikan kepada pelajar yang menerima tawaran akan dibayar berdasarkan kadar dermasiswa pelajar tempatan berbanding kadar pelajar luar negara seperti yang diterima sebelum ini. Pelajar peringkat diploma akan menerima RM3,000 setahun bagi had jangka masa pengajian selama tiga tahun. Manakala peringkat ijazah pula adalah sebanyak RM5,000 setahun bagi had pengajian selama empat tahun.

Bagi pelajar tahfiz, mereka akan menerima RM1,500 setahun bagi had sehingga tujuh tahun. Jumlah bayaran juga bergantung kepada tempoh masa mereka harus mengikuti pengajian di USAS termasuk selepas mengambil kira pemindahan kredit pengajian. Sehingga kini, terdapat seramai 285 pelajar tajaan MAIPk dari pelbagai universiti di negara Timur Tengah termasuk Mesir, Arab Saudi, Jordan serta Maghribi yang pulang ke Malaysia sejak Februari tahun ini susulan pandemik Covid-19.

Turut hadir pada taklimat ini ialah Naib Canselor USAS, Tan Sri Prof. Dr. Nordin Kardi, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif MAIP (Pembangunan), Puan Hajah Wan Maizura binti Haji Wan Zahari serta Timbalan Naib Canselor Pentadbiran dan Kewangan USAS, En. Anas Md Yusof.



# MAJLIS PENYAMPAIAN ANUGERAH PERKHIDMATAN CEMERLANG MAIPk

## TAHUN PENILAIAN 2019

**IPOH, 23 Julai 2020** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah mengadakan Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC) Bagi Tahun Penilaian 2019. Majlis APC merupakan satu bentuk penghargaan dan pengiktirafan MAIPk kepada semua warga kerja MAIPk yang telah memberikan perkhidmatan yang cemerlang pada tahun 2019. Pada majlis ini, seramai 42 orang pekhidmat MAIPk telah menerima anugerah yang terdiri daripada APC dan Anugerah Perkhidmatan Terpuji (APT).

Acara majlis telah dimulai dengan nyanyian lagu Negaraku dan lagu Negeri Perak diikuti dengan bacaan doa. Majlis APC diteruskan dengan ucapan aluan YBrs.Tuan Shahru Azam bin Shaari, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk. Majlis ini disempurnakan oleh YBhg. Tan Sri Dato Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin, Yang Dipertua MAIPk yang telah menyampaikan ucapan di majlis tersebut.

Pada majlis APC ini turut disajikan dengan Persembahan Montaj penerima APC dan APT serta diteruskan dengan



penyampaian sijil kepada semua penerima oleh YBhg. Tan Sri Dato Seri Dr. Wan Mohd Zahid bin Mohd Noordin dan YBrs.Tuan Shahru Azam bin Shaari.

Semoga dengan pengiktirafan ini akan menyuntik semangat dan mencetus inspirasi kepada semua warga MAIPk, untuk berkhidmat dengan lebih cemerlang dan menjadi nadi penggerak, dan peneraju kepada perubahan positif, dalam membudayakan kecemerlangan di tempat kerja khususnya di MAIPk.

## PROGRAM BICARA KESULTANAN MELAYU PERAK

**IPOH, 14 Ogos 2020** - Program Bicara Kesultanan Melayu Perak telah diadakan di Kompleks Islam Darul Ridzuan. Para program ini, YABhg. Orang Kaya Temenggong Paduka Raja Dato' Seri Wan Mohd. Fathir @ Fadzir bin Wan Hussain, Orang Besar Jajahan Kuala Kangsar merangkap Anggota, Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah sudi menyempurnakan majlis dan seterusnya menyampaikan bicara tentang institusi kesultanan melayu Perak

Program Bicara Kesultanan Melayu Perak yang diadakan pada hari ini telah berjaya mengumpulkan para pegawai daripada lima institusi agama Islam negeri Perak yang bernaung di bawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak Darul Ridzuan iaitu MAIPk, Jabatan Agama Islam Perak, Jabatan Mufti, Jabatan Kehakiman Syariah dan Jabatan Pendakwaan Syariah.

Program Bicara Kesultanan Melayu Perak ini memberi peluang dan ruang kepada semua warga kerja institusi agama memahami dan mendalami tentang perihal pentingnya peranan institusi Diraja di mana Duli Yang Maha Mulia Sultan sebagai Ketua Agama Islam di dalam Negeri Perak Darul Ridzuan sebagaimana yang ditetapkan dan dinyatakan di dalam Undang-Undang Tubuh Kerajaan Perak Darul Ridzuan.



## SEBAHAGIAN AKTIVITI SKUAD PRIHATIN ASNAF MAIPk



1 MENYANTUNI ASNAF MANGSA BENCANA RIBUT DI KG. PADANG TEMBAK DALAM, TELUK INTAN PADA 22 JULAI 2020

2 SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA MANGSA KEBAKARAN RUMAH DI LAHAT PADA 15 OGOS 2020

3 SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK SHAHRIZAM YANG MANA KEDIAMAN YANG DIDIMI DALAM KEADAAN YANG SANGAT USANG DAN TIDAK SEMPURNNA UNTUK DIDIMI DI IPOH PADA 26 OGOS 2020

4 SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA ENCIK MOHAMAD QAWANI YANG MENGALAMI PENYAKIT JANGKITAN KUMAN DI KAMPUNG TENGKU HUSSIN, IPOH PADA 26 OGOS 2020

5 SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN NUR AQILAH YANG MERUPAKAN BALU ALLAHYARHAM MOHD ZAKARIA BIN YAHA YANG MENINGGAL DUNIA AKIBAT TERTIMBUS KETIKA MENDULANG BIJIH TIMAH DI REDANG PANJANG, SELAMA PADA 2 SEPTEMBER 2020

6 SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN ZAHARAH YANG DIHIMPAT MASALAH KEWANGAN MELIBATKAN KOS SEWA RUMAH SERTA YURAN PENGAJIAN ANAK DI IPT DI TAIPING PADA 11 SEPTEMBER 2020

7 MENYANTUNI ENCIK SANUSI YANG MEMERLUKAN MODAL PERNIAGAAN UNTUK MEMBELI MESIN JAHITAN KASUT BAGI MENAMBAHKAN KUALITI JAHITAN KASUT KEPADA PELANGGAN DI TAIPING PADA 11 SEPTEMBER 2020

8 SUMBANGAN BANTUAN KEWANGAN KEPADA PUAN SUZZANA KINI MEMIKUL TANGGUNGJAWAB SEBAIK KETUA KELUARGA KERANA SUAMINYA KINI BELUM MAMPU BEKERJA AKIBAT TERLIBAT DENGAN KEMALANGAN JALAN RAYA DI TAMBUN, PERAK PADA 14 SEPTEMBER 2020

9 MENYANTUNI BEBERAPA KELUARGA DI KAWASAN MANJOI, BUNTONG DAN MINGLEMBU PADA 14 SEPTEMBER 2020. TURUT DISAMPAIKAN, PEK BARANGAN KEPERLUAN HARIAN YANG DISUMBANG OLEH ORANG PERSEORANGAN KEPADA MAIPk UNTUK DISAMPAIKAN KEPADA PARA PENERIMA

10 MENYANTUNI KELUARGA PUAN HASLINDAH YANG KINI TINGGAL MENUMPANG SETELAH TIDAK MAMPU MEMBAYAR SEWA RUMAH. PIHAK MAIPk AKAN MEMBATU MENCARI DAN MENYEDIAKAN KEDIAMAN YANG LEBIH SESUAI UNTUK PUAN HASLINDAH DAN ANAK-ANAKNYA DI ULU KINTA PADA 17 SEPTEMBER 2020

# BENGKEL SEMAKAN SEMULA GARIS PANDUAN

PELANTIKAN PEGAWAI-PEGAWAI MASJID NEGERI PERAK



## BENGKEL PEMBENTUKAN MODEL PERNIAGAAN USAHAWAN ASNAF DAN KAJIAN KEBERKESANAN PROGRAM PEMERKASAAN EKONOMI ASNAF

(PROPER A) DI NEGERI PERAK

**IPOH, 28 - 29 September 2020** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menganjurkan Bengkel Pembentukan Model Perniagaan Usahawan Asnaf dan Kajian Keberkesanan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf (PROPER A) Negeri Perak di Pusat Konvensyen Casuarina@Meru. Bengkel ini dianggotai oleh enam Ahli Jawatankuasa Kerja Kajian Keberkesanan Program Pemerksaan Ekonomi Asnaf Di negeri Perak dipengerusikan oleh YBhg. Tan Sri Dato' Prof. Dr. Nordin bin Kardi.

Lapan agensi telah turut serta dalam menjayakan bengkel ini yang terdiri daripada WANCORP, Johor Corporation, Amanah Ikhtiar Malaysia Wilayah Perak, Siti Khadijah Apparel Sdn. Bhd., SME Corp Malaysia, QSR Brands (M) Holdings Bhd., 99 Speed Mart Sdn. Bhd., Farm Fresh Milk Sdn. Bhd. dan Lembaga Kemajuan Tanah Persekutuan (FELDA) Wilayah Trolak.

Semoga bengkel yang dianjurkan ini dapat memberikan nilai tambah dan menghasilkan resolusi bagi memantapkan lagi program pembangunan asnaf sekaligus berupaya meningkatkan taraf ekonomi asnaf melalui latihan kemahiran dan bantuan modal MAIPk.



**IPOH, 22 September 2020** - Majlis Agama Islam dan 'Adat Melayu Perak (MAIPk) telah menjayakan satu Bengkel Semakan Semula Garis Panduan Pelantikan Pegawai-Pegawai Masjid Negeri Perak di Pusat Konvensyen Casuarina@Meru. Peserta bengkel terdiri daripada Orang-Orang Besar Jajahan Negeri Perak, wakil Penasihat Undang-Undang Negeri, Pegawai Tadbir Agama Daerah, Imam Daerah, Penyelaras Pentadbiran Masjid Daerah dan semua urus setia daripada MAIPk dan JAIPk

Diharapkan bengkel yang dianjurkan ini dapat memberikan hasil dan impak yang positif terhadap objektif yang ingin dicapai. Segala idea dan diberikan oleh semua peserta bengkel akan memberikan nilai tambah kepada pengurusan MAIPk dan JAIPk untuk penambah-baikan pengurusan masjid amnya di negeri Perak. Bengkel ini turut dihadiri oleh, Ketua Pegawai Eksekutif MAIPk, YBrs. Tuan Shahrul Azam Bin Shaari dan Pengarah JAIPk, YBhg. Dato' Haji Mohd. Yusop bin Haji Husin.

# Berita Sana Sini

PERSIDANGAN  
MAJLIS AGAMA ISLAM DAN  
'ADAT MELAYU PERAK  
KALI KE-213  
DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
PADA 18 OGOS 2020



LAWATAN KERJA  
MAJLIS AGAMA ISLAM SELANGOR  
(MAIS) KE MAIPK  
DI KOMPLEKS ISLAM DARUL RIDZUAN  
PADA 3 SEPTEMBER 2020

LAWATAN KERJA MAIPK  
KE PUSAT DIALISIS MAJLIS UGAMA  
ISLAM PAHANG DAN  
'ADAT RESAM PAHANG  
DI KUANTAN, PAHANG  
PADA 11 SEPTEMBER 2020



LAWATAN KERJA MAIPK  
KE MAJLIS AGAMA ISLAM NEGERI  
PULAU PINANG  
DI PULAU PINANG  
PADA 14 SEPTEMBER 2020

BENGKEL PENGGUBALAN DRAF  
PERATURAN-PERATURAN ZAKAT  
DAN FITRAH NEGERI PERAK 2020  
DI PERDANA KUALA LUMPUR  
CITY CENTRE  
PADA 30 SEPTEMBER HINGGA  
2 OKTOBER 2020



# Tunaikan

# ZAKAT DAN BERWAKAF KEPADA MAIPk

## KAEDAH BAYARAN

### ZAKAT - MAIPk

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Amil / Perunding
- Kaunter Pos Malaysia

### WAKAF PERAK AR-RIDZUAN

- 19 Kaunter MAIPk seluruh Negeri Perak
- Wakil kutipan / Amil

### POTONGAN GAJI ONLINE

- epzb.maiamp.gov.my
- www.wakafperak.gov.my

### SALURAN BAYARAN ONLINE

#### FPX melalui

<https://ezakat.maiamp.gov.my>

#### Agen-agen Kutipan Zakat :



#### JomPay :

Biller Code : 9027  
Ref-1 : Nama Pembayar  
Ref-2 : No. Telefon

Muat turun di Google Play & App Store



#### SnapNPay :



#### FPX melalui

[www.wakafperak.gov.my](http://www.wakafperak.gov.my)

#### Internet Banking melalui

[Maybank2u.com](http://Maybank2u.com)

#### EFT Akaun Maybank

558024315712  
Waqaf Perak Ar-Ridzuan



#### JomPay :

Biller Code 29892  
Ref 1 : Nombor yang dihasilkan dari  
janaan pendaftaran di  
[www.wakafperak.gov.my](http://www.wakafperak.gov.my)

Muat turun di Google Play & App Store



#### SnapNPay :



## 7 WASIAT RAJA-RAJA MELAYU

**Wasiat Raja-Raja Melayu** merujuk kepada 7 wasiat yang disampaikan semasa Raja-Raja Melayu menurun tandatangan persetujuan pembentukan Persekutuan Tanah Melayu pada 5 Ogos 1957 itu ialah:

### PERTAMA

Kami namakan dan kami panggil akan dia, bumi yang kamu pijak dan langit yang kamu junjung (PERSEKUTUAN TANAH MELAYU) sekarang dikenali dengan nama MALAYSIA.

### KEDUA

Kami isytiharkan dan kami simpan untuk kamu dan kami benarkan kamu isytihar dan simpan untuk anak cucu kamu, selain gunung-ganang, tasik dan hutan simpan, TANAH SIMPANAN MELAYU sehingga nisbah 50 peratus, selebihnya kamu rebutlah bersama-sama kaum lain.

### KETIGA

Bagi menjaga kamu dan bagi melindungi anak cucu kami serta harta hak milik kamu, kami tubuhkan REJIMEN ASKAR MELAYU selain untuk membanteras kekacauan dalam negara dan ancaman dari luar negara.

### KEEMPAT

Kami kekal dan kami jamin Kerajaan dan Kedaulatan RAJA-RAJA MELAYU memerintah negara ini.

### KELIMA

Kami isytiharkan ISLAM adalah Agama Persekutuan.

### KEENAM

Kami tetapkan bahasa kebangsaan ialah BAHASA MELAYU.

### KETUJUH

Kami amanahkan dan kami pertanggungjawabkan kepada Raja-Raja Melayu untuk melindungi KEDUDUKAN ISTIMEWA ORANG MELAYU dan KEPENTINGAN SAH KAUM-KAUM LAIN. (Kemudian ditambah kedudukan istimewa anak negeri Sabah dan Sarawak).



SILA IMBAS KOD  
UNTUK MUAT TURUN

Tingkat 1, Kompleks Islam Darul Ridzuan, Jalan Panglima Bukit Gantang Wahab, 30000 Ipoh, Perak.

05-208 4000

Zakat Perak-MAIPk

korporat@maiamp.gov.my

Wakaf Perak Ar-Ridzuan

[www.maiamp.gov.my](http://www.maiamp.gov.my)